

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 1 Disember 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA (IKRM) 2020

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia menyusut 2.1 peratus pada 2020 kesan daripada pandemik COVID-19

PUTRAJAYA, 1 DISEMBER 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM), 2020**. IKRM dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia daripada perspektif ekonomi dan sosial, meliputi dua subkomposit iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Kesejahteraan ekonomi terdiri daripada lima komponen iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan dan persekitaran kerja. Terdapat sembilan komponen dalam kesejahteraan sosial iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga. IKRM meliputi 25 indikator ekonomi dan 42 indikator sosial.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Sepanjang tahun 2020, landskap sosioekonomi negara mengalami momentum yang tidak menentu berikutan krisis kesihatan dan ekonomi. Penemuan IKRM 2020 menunjukkan hampir kesemua komponen kesejahteraan terkesan dengan penularan COVID-19. Prestasi IKRM pada 2020 menurun 2.1 peratus kepada 118.3 mata berbanding 120.8 mata pada 2019. Kedua-dua subkomposit kesejahteraan menunjukkan penurunan pada 2020. Subkomposit

kesejahteraan ekonomi merekodkan penurunan 3.4 peratus pada 2020 kepada 126.2 mata dan subkomposit kesejahteraan sosial pula menurun 1.2 peratus kepada 114.0 mata pada tempoh yang sama.”

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Pandemik COVID-19 memberikan cabaran kepada kesejahteraan rakyat. Berdasarkan keseluruhan 14 komponen IKRM, didapati tujuh daripadanya merekodkan penurunan pada 2020. Tiga komponen merekodkan paling tinggi penurunan ialah komponen Indeks Kebudayaan (-16.1%), Indeks Hiburan & Rekreasi (-15.7%) dan Indeks Pendapatan & Pengagihan (-9.7%). Pelaksanaan pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membataskan aktiviti sosial dan larangan merentas negeri dan daerah serta penutupan pusat hiburan dan rekreasi telah menyebabkan penurunan ketara bagi ketiga-tiga komponen ini.”


Melihat kepada dapatan mengikut indeks subkomposit pula, bagi indeks subkomposit ekonomi, didapati komponen pendapatan & pengagihan menurun 9.7 peratus, diikuti pengangkutan (-7.4%) dan komunikasi (-0.4%). Pada masa yang sama, kesemua komponen dalam indeks subkomposit sosial pula turut menurun. Komponen kebudayaan menurun 16.1 peratus diikuti hiburan & rekreasi (-15.7%), tadbir urus (-0.9%) dan keluarga (-0.4%). Namun begitu, komponen keselamatan awam meningkat 10.9 peratus, diikuti kesihatan (5.6%) dan alam sekitar (2.7%).

Ketua Perangkawan turut menekankan, “Pada masa yang sama, langkah-langkah pembendungan penularan COVID-19 turut memberi implikasi positif kepada kesejahteraan rakyat. Antaranya, Indeks Keselamatan Awam yang mencatatkan kenaikan tertinggi iaitu 10.9 peratus pada 2020 berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan indeks ini disumbang oleh penurunan kadar jenayah dan bilangan kemalangan jalan raya pada 2020. Ini diikuti Indeks Kesihatan meningkat 5.6 peratus yang menunjukkan penjagaan kesihatan terus menjadi fokus dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat terutama apabila negara dilanda pandemik COVID-19. Indeks Penyertaan Sosial juga meningkat 2.5 peratus pada 2020 susulan penyertaan


aktif sukarelawan dalam menawarkan bantuan terutama kepada mereka yang terjejas akibat PKP.”

Secara keseluruhan prestasi IKRM pada 2020 menunjukkan kesejahteraan rakyat sangat terkesan akibat pandemik COVID-19. MyWI berfungsi sebagai penunjuk kesejahteraan rakyat dan panduan dalam penggubalan dasar dan program yang relevan.


Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM ditalian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.



Carta 2 : Indeks Kesejahteraan Ekonomi, 2019 dan 2020



Carta 3 : Indeks Kesejahteraan Sosial, 2019 dan 2020



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

1 DISEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 1st December 2020**



PRIME MINISTER DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
MALAYSIAN WELL-BEING INDEX (MyWI) 2020

The Malaysian Well-being Index declined 2.1 per cent in 2020 attributed to impact of COVID-19 pandemic

PUTRAJAYA, 1 DECEMBER 2021 – Today, Department of Statistics Malaysia (DOSM) released **Malaysian Well-Being Index (MyWI), 2020**. MyWI was developed to measure the level of rakyat's well-being from an economic and social perspective, covering two sub-composites which are economic well-being and social well-being. Economic well-being consists of five components, namely transport, communications, education, income and distribution as well as working life. There are nine components in social well-being including housing, entertainment and recreation, public safety, social participation, governance, culture, health, environment and family. MyWI comprises 25 economic indicators and 42 social indicators.

Commenting on the report, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Throughout 2020, the socioeconomic landscape of the country experienced uncertain momentum following the health and economic crisis. The findings of MyWI 2020 showed that almost all components of well-being are affected by

COVID-19. The performance of MyWI in 2020 decreased 2.1 per cent to 118.3 points as compared to 120.8 points in 2019. Both of the well-being sub-composites showed a decline in 2020. The economic well-being sub-composite recorded a decrease of 3.4 per cent in 2020 to 126.2 points and the social well-being sub-composite declined 1.2 per cent to 114.0 points at the same period."

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The COVID-19 pandemic poses a challenge to the rakyat's well-being. Based on the 14 components of IKRM, it was found that seven of them recorded a decline in 2020. The three components that recorded the highest decline were the Culture Index (-16.1%), Entertainment & Recreation Index (-15.7%) and Income & Distribution Index (-9.7%). The implementation of various phases of the Movement Control Order (MCO) which restricted social activities and inter-state and districts travel as well as the closure of entertainment and recreation centres have led to a quite significant decrease in these three components."

In terms of the sub-composite index, the economic sub-composite index comprises income & distribution component decreased by 9.7 per cent, followed by transport (-7.4%) and communication (-0.4%). Similarly, all of the components of the social sub-composite index also declined. The culture component decreased by 16.1 per cent followed by entertainment & recreation (-15.7%), governance (-0.9%) and family (-0.4%). On the other hand, the public safety component improved by 10.9 per cent, followed by health (5.6%) and the environment (2.7%).

The Chief Statistician also emphasised, "At the same time, preventive measures to contain the spread of COVID-19 have positive implications for the rakyat's well-being. Among them, the Public Safety Index recorded the highest increase of 10.9 per cent in 2020 as compared to the previous year. The increase in the index was contributed by the decrease in crime rates and the number of road accidents in 2020. This was followed by an increase in the Health Index of 5.6 per cent which showed that healthcare continues to be the focus in improving the rakyat's health as the country was hit by the COVID-19 pandemic. The Social Participation Index also increased by 2.5 per cent in 2020 following the active participation of volunteers in providing assistance

especially those affected by the MCO.

The overall performance of MyWI in 2020 indicates rakyat's well-being is greatly affected by the COVID-19 pandemic. MyWI serves as indicators of well-being of rakyat and guide in formulating relevant policies and programmes.

Our sincere thanks and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88-7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.




Chart 2: Economy Well-being Index, 2019 and 2020





Chart 3: Social Well-being Index, 2019 and 2020



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

1 DECEMBER 2021